

Ingkar bayar cukai: Kerajaan wujud mahkamah khas

BH 15 DEC 2002

Oleh MOKHTAR ALIAS

KUALA KLAUANG: Kerajaan sedia mewujudkan mahkamah khas bagi mempercepatkan proses perbicaraan kes pembayar cukai pendapatan yang gagal melunaskan cukai tertunggak berjumlah lebih RM1 bilion.

Jika cadangan daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) ini menjadi kenyataan, ia akan mirip Mahkamah Perusahaan yang mengendalikan kes pekerja dan majikan, kata Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata, cadangan itu wajar diberi perhatian sekiranya membatik suatu jumlah kes yang besar dan perlu diselesaikan mengikut tempoh tertentu.

"Jika jumlahnya besar, saya fikir kita boleh pertimbangkan cadangan penubuhan mahkamah khas ini. Saya fikir kita perlu berfikir terbuka berhubung cadangan berkenaan," kata beliau kepada Berita Minggu, di sini semalam.

Mengikut laporan akhbar baru-baru

ini, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Zainol Abidin Rashid berkata, cadangan penubuhan mahkamah itu bertujuan mempercepatkan masalah cukai tertunggak.

Beliau berkata mahkamah berkenaan yang mirip Mahkamah Perusahaan sebagai permulaan boleh beroperasi di Lembah Klang kerana kebanyakan kes membabitkan penghuni yang menetap di kawasan itu..

Sejumlah 13,285 orang dikenal pasti gagal membayar cukai masing-masing termasuk seorang yang berhutang RM20 juta.

Dr Rais juga Ahli Parlimen Jelebu berkata, jika ia membabitkan jumlah kes yang tinggi, penubuhan tribunal pembayar cukai wajar diberi perhatian.

Sebagai contoh, katanya perkara ini sama dengan cadangan tribunal trafik yang sebenarnya bukan berbentuk mahkamah sepenuhnya.

"Bagi mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan tribunal, mereka boleh membuat rayuan di mah-

kamah," kata beliau.

Berdasarkan statistik JHDN, daripada 22,978 kes pada 1999 hanya 6,060 kes diselesaikan, manakala pada tahun berikutnya, daripada 27,650 kes hanya 5,098 diselesaikan.

Tahun lalu, daripada 27,650 kes dan 703 kes diselesaikan di pejabat Jalan Duta (maklumat negeri lain belum diperolehi).

Bagaimanapun, Dr Rais berkata sebelum cadangan mahkamah khas ini diterima, tanggung jawab Pesuruhjaya Cukai Pendapatan dalam soal tertentu perlu dikaji semula untuk mengelakkan pertindihan.

Beliau berkata peranan mereka diperlukan berhubung kes seumpama ini.

Selasa lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerajaan akan mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan kutipan cukai dalam usaha mendapatkan kembali cukai tertunggak berkenaan.

Beliau berkata ini kerana masalah itu bukan disebabkan oleh sistem percukaian di negara ini tetapi sikap pembayar cukai.